

30/09/1998

Internet serlah unsur negatif

Nurhawani Zamin

SAYA berminat untuk memberi pandangan berhubung surat FAEZ-UTM dari Johor Bahru yang menyokong tulisan ZACK'98 dari Kuching (28 Ogos 1998) membicarakan mengenai masalah seks melalui Internet.

Melalui pengamatan saya dari kaca mata seorang pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan belumlah dapat saya pastikan dakwaan beliau bahawa kegiatan maksiat yang bermula dari Internet kini berleluasa di kalangan pelajar IPT.

Namun begitu, saya tidak terkejut dengan apa yang diutarakan beliau malah turut bersetuju dengan saranan beliau agar pihak terbabit mengambil perhatian yang serius.

Sesungguhnya saya terkilan melihatkan sikap kebanyakan anak Melayu yang terlalu ghairah dengan Internet. Memang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan rakyat celik teknologi maklumat (IT) dan memahirkan diri dengan pengetahuan Internet, malangnya remaja yang menyalahgunakannya dan lebih menjurus kepada unsur-unsur negatif Internet.

Sememangnya Internet suatu yang boleh dianggap baru dan penggunaannya di negara kita masih belum begitu meluas khususnya bagi individu perseorangan. Kebanyakan pengguna Internet adalah golongan berada dan segelintir daripada golongan berpendapatan sederhana.

Apapun harus diingat, sesiapa sahaja mudah untuk mendapatkan kemudahan Internet di Cybercafe yang kini terdapat di seluruh pelosok negara. Dengan bayaran yang biasanya kurang daripada RM7 untuk sejam, ramai anak Melayu kita, apatah lagi remaja yang masih berhingus mula meluangkan masa di sana, menghabiskan wang ringgit bergebang di MIRC ataupun mengutus surat melalui mel elektronik.

Tidak dinafikan, Internet kini menjadi salah satu sumber hiburan terbaru khasnya buat remaja.

Malangnya, keburukan Internet kurang terserlah berbanding hiburan lain seperti permainan video yang jelas menampakkan pembaziran. Maka, ramailah yang bebas melayari Internet tanpa kawalan.

Untuk itu, tidak menghairankan apabila ZACK'98 dan FAEZ-UTM berani melahirkan dakwaan mereka. Berdasarkan pemerhatian saya juga, kebanyakan mereka yang gemar mengunjungi tempat-tempat yang menyediakan kemudahan Internet ini adalah orang Melayu yang terpelajar yang sesungguhnya belum habis belajar.

Sebaiknya, mereka lebih menumpukan perhatian kepada pelajaran daripada membazir wang untuk perkara yang tidak perlu diberi keutamaan. Berceloteh di MIRC saya kira memanglah menyeronokkan terutama bagi golongan pelajar yang tentunya ghairah mencari kenalan.

Namun, saya percaya lebih 90 peratus maklumat yang dikemukakan oleh mereka adalah rekaan semata-mata. Bermula daripada nama samaran yang diberikan sehinggalah ke maklumat lain seperti umur, jantina dan tempat tinggal. Saya juga percaya ramai yang menyedari akan hakikat ini, namun memandangnya sebagai suatu keseronokan, hasilnya masing-masing bertukar kenalan dan fikiran berasaskan 'penipuan'. Entah di mana keseronokan sebenarnya?

Akhir-akhir ini, Internet dijadikan medan perbincangan politik. Mengapa tidak menggunakan saluran yang betul?

Sebenarnya, saya bukanlah menentang Internet dan penggunaannya. Saya sekadar melahirkan rasa kecewa melihatkan ramai yang meyalahgunakan kemudahan Internet ini dan menjadikannya satu fenomena yang menjelikkan

pada pandangan umum.

Setiap satu itu ada kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Saranan Dr Mahathir agar rakyat menggunakan Internet seadanya harus dilihat daripada perspektif yang positif.

Jika mengambilnya dari sudut negatif, inilah hasilnya -rakyat yang mahir dengan Internet sehingga berkebolehan menyebarkan khabar angin palsu, terbabit dengan kegiatan tidak bermoral juga membuang masa dengan gaya yang lebih elit berbanding mereka yang melepak di pusat-pusat membeli belah.

Pengguna Internet tidak seharusnya cepat lupa diri sebaliknya berilah sedikit ruang kepada ramai lagi yang tidak berkesempatan dan berkemampuan memiliki kemudahan itu. Kini, terdapat beberapa pihak termasuklah orang perseorangan yang lebih mementingkan mel elektronik dan seterusnya melenyapkan penggunaan mel biasa. Ini sudah tentulah tidak adil kerana tidak semua yang mampu melanggan Internet malah masih terdapat mereka yang tidak langsung memiliki komputer.

Oleh itu, janganlah terlalu ghairah. Khidmat Pos Malaysia tidak wajar diabaikan sama sekali. Sebelum kemasukan Internet ke negara kita, saya pasti Pos Malaysia menjadi pilihan utama untuk mengutus surat.

Tapi kini, mereka yang mempunyai e-mel sendiri lebih senang menggunakannya walaupun memungkinkan pengabaian sesetengah pihak yang tidak berpeluang mempunyai e-mel sendiri.

Seharusnya Internet tidak patut menguasai kita, sebaliknya diaplikasikan sebaiknya agar dapat memberikan faedah dan sumber maklumat terkini kepada manusia.